

DBKL tidak beri lesen niaga depan sekolah

KUALA LUMPUR 1 April - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengemukakan cadangan tegas dengan menyita lesen dan perlesenan peniaga kecil secara haram di sekitar sekolah.

Dibalas kepada arah Perkhidmatan DBKL, Datuk Amin Nordin Abd. Aziz berkata, peniaga kecil itu termasuk peniaga di kawasan luar sekolah.

Menurutnya, ini kerana DBKL tidak pernah memberi kebenaran atau mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga kecil untuk berniaga di kawasan berkenaan.

"Kebiasaannya peniaga ini menjual barangan makanan atau permainan yang tidak berkualiti dan boleh memudaratkan kesihatan murid," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas aduan segelintir ibu bapa yang menghubungi *Utusan Malaysia* mengenai kewujudan peniaga kecil di luar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Tsun Jin di sini sejak dua tahun lalu.

Ibu bapa berkenaan menggesa pihak berwajib mengambil tindakan ke atas peniaga itu kerana mendapati ia menjual barangan tidak berfaedah

termasuk kuku plastik tiruan dan makanan ringan kepada murid-murid sekolah itu setiap hari.

Menurut mereka, walaupun aduan sudah dibuat kepada pihak sekolah, namun tiada tindakan susulan diambil.

Amin Nordin berkata, ibu bapa berkenaan perlu mengemukakan aduan bertulis berhubung kewujudan peniaga kecil itu kepada DBKL dan siasatan terperinci mengenainya

akan dijalankan segera. "Pihak sekolah juga memainkan peranan membantu DBKL menghalang peniaga kecil ini daripada terus berniaga di situ.

"Dengan jumlah sekolah rendah dan menengah lebih 800 buah di Kuala Lumpur, DBKL sukar menghantar pegawai penguatkuasanya di semua sekolah setiap hari untuk melakukan pemantauan," katanya.